



TEKS UCAPAN

YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA PERASMIAN

HARI PROFESION TEKNIKAL NEGARA
(HPTN) TAHUN 2024

12 DISEMBER 2024 | KHAMIS
PICCA CONVENTION CENTRE PULAU PINANG

SALUTASI

(Akan dimuktamadkan oleh Jawatankuasa)

Salam Sejahtera, dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, saya mengajak semua hadirin untuk menyatakan rasa syukur kerana diberikan peluang untuk berhimpun dan bersama-sama pada hari ini bagi meraikan Majlis Sambutan Hari Profesion Teknikal Negara Tahun 2024 atau HPTN 2024.
2. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, khususnya kepada Ketua Menteri, Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow atas sokongan dan kerjasama erat dalam memastikan sambutan HPTN 2024 di Pulau Pinang ini berjalan lancar dengan jayanya. HPTN ini disambut pada hari Sabtu pertama bulan Disember setiap tahun sejak 2018, berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada Oktober 2018.
3. Tiada angka rasmi berapa jumlah sebenarnya profesion teknikal di Malaysia. Menurut *Labour Force Statistics Report* yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia (DOSM) pada bulan Jun 2024, berdasarkan *Malaysian Standard Classification of Occupation* (MASCO) 2023, bilangan tenaga kerja di bawah klasifikasi *Technicians and Professionals* dianggarkan seramai 2.14 juta orang. Saya yakin bilangan sebenar adalah lebih besar dari itu, sekiranya data bagi kategori berkaitan yang lain digabungkan. Bagi

sektor awam, profesion teknikal bukan hanya di Jabatan Kerja Raya (JKR) sahaja, tetapi wujud di banyak kementerian dan agensi awam yang lain. Justeru, saya menyeru para profesion teknikal di luar JKR/KKR untuk sama-sama menyemarakkan sambutan HPTN pada tahun ini dan tahun-tahun akan datang.

HALATUJU HPTN

4. HPTN yang diraikan setiap tahun diharapkan bukan sahaja untuk memberikan pengiktirafan kepada sumbangan profesion teknikal kepada pembangunan negara, tetapi juga menjadi salah satu platform penting untuk mencorak hala tuju profesion teknikal, dalam persekitaran yang sangat dinamik, baik di dalam negara, mahu pun di peringkat global. Dalam hal ini, keupayaan tenaga kerja profesion teknikal negara sangat perlu dipertingkatkan melalui program pembangunan kapasiti modal insan yang terancang dan berterusan. Bagi menjayakan hasrat ini, peranan dan sumbangan pelbagai pihak perlu digembleng secara terarah dan sistematik bermula daripada peringkat sekolah dengan penekanan diberikan kepada pembelajaran STEM, disusuli dengan input berkualiti di peringkat pendidikan tertiar bagi melahirkan graduan teknikal yang berpengetahuan, kompeten dan memiliki kebolehpasaran yang tinggi. Seterusnya, pihak industri juga perlu memainkan peranan aktif dalam menyediakan ruang yang kompetitif kepada tenaga kerja profesion teknikal samada dalam bentuk peluang pekerjaan, pengaplikasian teknologi, atau galakan inovasi.
5. Bidang teknikal di Malaysia yang meliputi pelbagai disiplin kejuruteraan, pembinaan, senibina, ukur, sungai dan perparitan, maritim, astronomi dan banyak lagi sedang berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran yang perlu ditangani dengan tuntas,

berhati-hati tetapi pantas. Kita tidak boleh leka atau berasa *complacent*. Kita pasti akan ketinggalan, malah akan membuatkan kita tidak relevan lagi. Ini yang berlaku kepada Public Works Department dan para profesion teknikal di dalamnya yang telah pupus di Britain, Singapura dan Australia.

6. Perubahan atau adaptasi kepada teknologi terkini harus berlaku sekarang di semua peringkat bermula dengan kurikulum dan pembelajaran di peringkat pengajian tinggi dan vokasional, latihan praktik, *tools* yang digunakan di tempat kerja, produk yang dihasilkan serta pekerjaan yang dilakukan atau solusi yang dicadangkan untuk memastikan profesion teknikal kita kekal kompetitif dan relevan. Di sinilah HPTN boleh memainkan peranannya!
7. Selari dengan Dasar 4IR Negara dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025, bidang teknikal tidak dapat lari untuk turut berubah dan mengadaptasi teknologi baru. Internet of Things (IoT), kecerdasan buatan (AI), realiti maya (Virtual Reality), data raya, robotik, automasi, IBS dan BIM dalam pembinaan adalah sebahagian darinya. Persoalannya, adakah persediaan kita mencukupi setakat ini?
8. Malah tidak keterlaluan jika saya katakan, kepesatan teknologi terkini dan apa jua teknologi baru atau *Emerging Technologies* yang bakal muncul mesti menjadi sebahagian dari ekosistem negara di semua bidang termasuk ekonomi dan pentadbiran, pendidikan dan pembelajaran, pembangunan tenaga kerja, pembangunan produk

dan perkhidmatan, apalagi pembangunan infrastruktur dan prasarana negara. Kita tidak perlu pergi jauh! Negara China yang pada suatu masa dahulu tidak wujud dalam peta teknologi dunia, kini telah mendahului dan meninggalkan negara-negara teknologi seperti Amerika, German, Jepun dan Korea yang merupakan gergasi pada suatu masa dahulu.

Tuan/puan yang dihormati sekalian

9. Satu lagi yang saya ingin tampilkan di platform HPTN ialah supaya softskill dalam Profesion Teknikal tidak diabaikan. Medan persaingan bukan lagi bersifat lokal. Negara kita menjadi sebahagian dari medan global seiring dengan banyaknya pelaburan masuk ke negara kita terutama *technology-based industries*. Justeru, profesion teknikal kita harus memiliki penguasaan bahasa yang tinggi terutama Bahasa Inggeris, Kemahiran Komunikasi, Pengurusan Projek, Penyelesaian Masalah, Pemikiran Kreatif dan Inovasi, dan yang terpenting, Kepimpinan. Ini semua akan melengkapkan Profesion Teknikal kita menjadi WHOLESOME TECHNICAL PROFESSIONALS yang akan menjadi pemangkin kepada kebolehpasaran (*marketability*) samada di Malaysia mahu pun di peringkat antarabangsa. *Thus, beside newskilling, training in term of reskilling and upskilling have to be planned and done for our technical professionals to stay relevant and competitive.*

BELANJAWAN 2025: "MEMBUGAR EKONOMI, MENJANA PERUBAHAN, MENSEJAHTERA RAKYAT"

Tuan-tuan dan puan-puan para profesion teknikal sekalian,

10. Belanjawan 2025 yang bertemakan Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan dan Mensejahtera Rakyat yang dibentangkan pada 18 Oktober 2024 yang lalu oleh YAB Perdana Menteri, telah melontarkan cabaran kepada profesion teknikal untuk bergerak secara aktif dan kreatif dalam menyumbang kepada pembangunan negara bangsa.
11. Dalam era teknologi ini, profesion teknikal dituntut bukan sahaja semata-mata menyiapkan sesuatu projek mengikut spesifikasi dan tempoh yang ditetapkan, tetapi hendaklah memberikan nilai tambah yang tinggi, umpamanya penggunaan teknologi terkini, kaedah pengurusan projek yang berkesan setanding dengan piawaian antarabangsa, serta pengurusan sumber yang cekap dan memberikan *value-for-money*, selari dengan *outcome-based approach* yang diberi fokus pada masa ini.
12. Belanjawan 2025 yang berjumlah RM423 bilion, telah memperuntukkan sebanyak RM88 billion (termasuk RM2 bilion dana kontingensi) [atau 20%] untuk tujuan belanja Pembangunan. Sebahagian besar daripada jumlah tersebut, adalah untuk pembangunan infrastruktur dan prasarana negara yang memerlukan penglibatan dan sumbangan signifikan para profesion teknikal negara. Bajet 2025 membawa cabaran besar kepada tuan/puan, yang mana ia menuntut komitmen dan pemikiran di luar kotak yang menampilkan kaedah dan solusi baharu dengan bantuan teknologi moden. Kepakaran tuan-puan untuk menganalisis, menyelesaikan

masalah dan menyediakan khidmat nasihat yang profesional sangat penting untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik *par excellence*.

13. Tahun 2025 dan seterusnya bukan lagi masa untuk anda berbangga semata-mata kerana boleh menyiapkan sesuatu projek, tetapi profesion teknikal dituntut untuk menyiapkan projek mengikut spesifikasi dan berkualiti tinggi, dalam tempoh yang ditetapkan (tanpa EOT – *extension of time*) serta mampu memberikan penjimatan kepada Kerajaan. Tuntutan ini adalah selari dengan penekanan Kerajaan supaya tiada lagi ketirisan dan pembaziran sumber.

MEMPERKASA KERJASAMA AWAM DAN SWASTA

Saudara-saudari sekalian,

14. Dunia sedang berubah dengan pesat, terutamanya dalam era digital ini. Kita perlu memberi penekanan yang tinggi kepada aktiviti penyelidikan dan inovasi. Kolaborasi antara profesion teknikal dan profesion bukan teknikal sangat penting agar sumber yang terhad dapat digembleng dan digunakan secara optimum. Kolaborasi antara awam dan swasta perlu dipertingkatkan dan penerokaan ilmu baharu dan pengaplikasian teknologi modern wajar diberi keutamaan dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti, berdaya-saing dan mampan.

15. Saya juga menggalakkan tuan/puan menjalin kerjasama dengan profesion teknikal di luar negara, umpamanya melalui *joint-venture* bagi pelaksanaan sesuatu projek yang kompleks. Juga boleh diusahakan kerjasama dalam bentuk latihan kemahiran, *technology transfer*, *cross fertilization programmes* dan sebagainya. Kita juga perlu meluaskan *horizon* pengantarabangsaan dengan mengeksport tenaga kerja profesion teknikal ke luar negara, yang akan melonjakkan pendapatan individu, serta secara tidak langsung akan menaikkan imej negara.
16. Di samping itu, saya berharap Profesion Teknikal kita giat mempelajari *best practices* dan mengambil iktibar daripada *lessons learnt* melalui *Megatrends*, *World Economy Forum*, *New Technology Inventiosn and Discoveries*. Selain itu, pelbagai ciptaan baharu telah dibuktikan berjaya dilaksanakan, contohnya di Eropah, India, China, Korea dan Jepun. Saya berharap agar para profesion teknikal kita membuang jauh sikap *denial syndrome*, menafikan ciptaan tersebut boleh dilaksanakan di Malaysia dengan seribu-satu alasan. Kita perlukan profesion teknikal yang memiliki sikap terbuka dan *self-challenge*, mencabar diri kita sendiri.
17. Saya berharap HPTN ini menjadi platform untuk mengumpul, mempamer dan membuat perkongsian mengenai penemuan baharu dan ciptaan teknologi terkini. HPTN ini juga menjadi medan wacana idea-idea baharu, meluaskan networking dan mengadakan *business-matching*.

18. Saya difahamkan HPTN 2024 telah berjaya mengumpulkan banyak entiti korporat terkemuka seperti syarikat kejuruteraan dan syarikat konsesi lebuh raya serta konsesi penyenggaraan jalan raya, yang mempamerkan pelbagai produk dan perkhidmatan di 37 buah reruai yang disediakan. Selain reruai pameran, HPTN kali ini turut membicarakan pelbagai topik menarik melalui (5) sesi bicara teknikal dan satu (1) *mini pocket talk*.

TVET PEMANGKIN PEMBANGUNAN NEGARA

Hadirin sekalian,

19. Menurut Franklin D. Roosevelt: *"Democracy cannot succeed unless those who express their choice are prepared to choose wisely. The real safeguard of democracy, therefore, is education."* Dalam hal ini, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) perlu terus diperkasakan dan dipromosi sebagai salah satu cabang penghasilan tenaga mahir teknikal tempatan. TVET juga hendaklah ditonjolkan sebagai pemangkin dan penyumbang kepada pembangunan negara, melalui pembelajaran sepanjang hayat -- sekolah menengah, lepasan sekolah, dan pendidikan tertari, sehingga kepada tenaga kerja di industri melalui program *reskilling, upskilling dan newskilling*.
20. Persepsi bahawa TVET adalah pilihan terakhir untuk melanjutkan pengajian perlu diperbetulkan segera. Advokasi melalui *success stories* graduan kita harus diperbanyakkan. Promosi harus dilakukan lebih awal di sekolah dan fokus diberikan kepada remaja untuk

menjelaskan kepentingan TVET, peluang kerjaya dan masa depan tenaga mahir teknikal.

21. Institusi TVET telah berkembang pesat dipacu oleh Dasar TVET Negara 2030. Sehingga Disember 2023, terdapat sejumlah 1,345 institusi TVET di seluruh negara, yang merangkumi 669 institusi TVET awam, 652 institusi TVET swasta, dan 24 institusi TVET di bawah kerajaan negeri.

Para Hadirin dan Profesion Teknikal sekalian,

22. HPTN adalah ruang untuk kita menghargai dan memberi penghormatan kepada semua profesion teknikal yang telah berkhidmat dengan penuh dedikasi. Anda semua adalah pencipta masa depan negara. Inisiatif dan usaha anda adalah asas kepada pembentukan Malaysia yang bersatu-padu, mampan, moden, dan progresif.

23. ***We can harness proper knowledge and tools to foster the nation's growth by empowering individuals through education and cultivating skilled employees.*** Saya berkeakian bahawa pemerkasaan profesion teknikal negara menerusi dasar-dasar Kerajaan, serta semangat dan komitmen para profesion teknikal, akan menghasilkan output yang bertambah baik.

24. Besarlah harapan saya agar Sambutan Hari Profesion Teknikal Negara ini berjaya mencapai objektifnya dan mampu mengangkat

profesion teknikal ke tahap yang lebih tinggi serta memberikan impak positif kepada pembangunan negara.

25. Marilah kita sama-sama membentuk satu sinergi yang mantap dan bergerak sebagai satu pasukan, tidak kira sama ada anda dalam sektor kerajaan, swasta, industri atau pendidikan. Kita perlu memberi inspirasi dan motivasi kepada generasi muda untuk menceburi bidang teknikal, menjadi pencipta, inovator, dan pemimpin teknologi dalam dunia yang semakin mencabar ini. Walaupun, profesion teknikal ini terkadang adalah wira yang tidak didendang, anda semua adalah harapan dan pemacu masa depan negara,

Dengan rasa berbesar hati dan penuh pengharapan, sukacitanya saya merasmikan **Sambutan Hari Profesion Teknikal Negara Tahun 2024.**

Syabas kepada semua Profesion Teknikal Malaysia!

Sekian, terima kasih.